

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**.
Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

- 1 Rajah berikut menunjukkan hierarki sosial Kesultanan Melayu Melaka.



Siapakah yang termasuk dalam golongan diperintah?

- I Golongan merdeka
 II Golongan hamba
 III Pegawai istana
 IV Para ulama
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 2 Maklumat berikut merupakan wilayah naungan Kesultanan Melayu Melaka.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Pahang • Kelantan • Kampar |
|--|

Bagaimanakah wilayah naungan tersebut diperolehi?

- A Perkahwinan
 B Keagamaan
 C Peperangan
 D Perdagangan

3 Mengapakah idea nasionalisme tidak sama antara negara?

- A Tafsiran sejarah berbeza
- B Pengalaman sejarah berbeza
- C Corak perjuangan pemimpin bertukar
- D Tahap perjuangan berubah

4 Maklumat berikut berkaitan dengan nasionalisme di Asia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Nasionalisme di India • Nasionalisme di China • Nasionalisme di Mesir |
|---|

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada nasionalisme di atas?

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada nasionalisme di atas?

- A Kemunculan ramai golongan intelek
- B Sentiasa berwaspada terhadap anasir asing
- C Pentingnya bekerjasama dengan penjajah Barat
- D Melancarkan revolusi untuk menggulingkan penjajah

5

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Semangat Asia • Asia untuk Orang Asia |
|--|

Mengapakah Jepun menggunakan propaganda di atas?

- A Mewujudkan ketakutan rakyat
- B Mendapatkan simpati rakyat tempatan
- C Memberikan keyakinan terhadap Jepun
- D Menanam semangat antipenjajah Barat

6 Maklumat berikut berkaitan dengan pengguguran bom atom Amerika Syarikat.

Tarikh	Peristiwa
6 Ogos 1945	'Little Boy' di Hiroshima
9 Ogos 1945	'Fat Man' di Nagasaki

Apakah kesan peristiwa di atas?

- A Jepun kehilangan tanah jajahan
- B Amerika Syarikat menjajah Jepun
- C Amerika Syarikat muncul kuasa dunia
- D Tentera Jepun mengalami kekalahan

7 Mengapakah Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British pada 1 Julai 1946?

- I Permintaan rakyat Sarawak
- II Masalah pewarisan takhta
- III Masalah kewangan
- IV Penjajahan British

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Berikut adalah dua orang pegawai British.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Sir Harold MacMichael• Gerald T. MacBryan |
|--|

Apakah persamaan kedua-dua pegawai tersebut?

- A Menggunakan desakan dan ugutan
- B Membuat tinjauan penentangan penduduk
- C Melantik Gabenor Malayan Union
- D Mengetuai pentadbiran British di Tanah Melayu

9 Cristiano Ronaldo dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu. Ayahnya seorang pedagang dari Portugal dan bermastautin di Persekutuan Tanah Melayu lebih 15 tahun.

Bagaimanakah beliau boleh mendapatkan taraf kerakyatan Tanah Melayu?

- A Secara pendaftaran
- B Secara natrulisasi
- C Melalui persetujuan pemerintah
- D Melalui kuatkuasa undang-undang


10

- Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal
- Orang bukan Melayu menjadi warganegara

Maklumat di atas berkaitan dengan kewarganegaraan di Tanah Melayu. Bilakah persetujuan tersebut dicapai?

- A Perjanjian Malayan Union
- B Perjanjian British Military Administration
- C Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
- D Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

11



Siapakah penulis buku "The Communist Manifesto"?

- A Mao Tze Tong
- B Tan Malaka
- C Karl Marx
- D Adolf Hitler

12



Gambar di atas menunjukkan tindakan komunis di Tanah Melayu . Mengapakah komunis bertindak demikian?

- A Mengukuhkan ideologi
- B Melumpuhkan ekonomi
- C Menakutkan British
- D Mengancam penduduk

- 13 British memberikan mesej bahawa kemerdekaan hanya akan diberikan apabila wujud kerjasama antara Melayu, Cina dan India. . Apakah tindakan yang diambil oleh pemimpin setiap kaum ?
- A Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
 - B Penubuhan Kongres Kebangsaan Antara Kaum
 - C Mengadakan Pilihanraya peringkat persekutuan
 - D Mengadakan Persidangan Antara Kaum
- 14 Sistem Ahli diperkenalkan oleh British pada tahun 1951. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan?
- A Menetapkan tarikh pilihanraya
 - B Menentukan syarat kewarganegaraan
 - C Menggubal perlembagaan merdeka
 - D Melatih penduduk tempatan mentadbir
- 15 Apakah peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955?
- I Meningkatkan ekonomi negara
 - II Menjalinkan kerjasama diplomatik
 - III Membincangkan soal kewangan
 - IV Membincangkan isu keselamatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Mengapakah kabinet pertama 1955 ini penting kepada negara kita?
- A Penyatuan parti politik
 - B Kompromi antara kaum
 - C Kepercayaan British kepada pemimpin
 - D Pertambahan kuasa Pesuruhjaya Tinggi
- 17 Siapakah wakil Raja-raja Melayu yang mengikuti misi rundingan di London ?
- A Dato' Onn bin Jaafar
 - B Tunku Abdul Rahman
 - C Dato' Tun Tan Cheng Lock
 - D Encik Abdul Aziz Abdul Majid

- 18 Rajah menunjukkan perjalanan rombongan kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman.



Mengapakah Tunku Abdul Rahman menggunakan kapal laut dari Singapura ke Karachi?

- A Menyusun strategi berunding dengan British
 B Mendapatkan sokongan negara serantau
 C Mendapatkan persetujuan wakil Pakistan
 D Mengada pertemuan dengan Presiden India
- 19 Gambar berikut menunjukkan Perdana Menteri Malaysia.



Perdana Menteri Ketiga dan Ketujuh
 Tun Dr Mahathir bin Mohamad

Apakah takrifan kemerdekaan mengikut negarawan di atas?

- A Bebas daripada politik penindasan
 B Gagasan menyokong pembangunan
 C Berkhidmat dan berkorban demi negara
 D Setiap negara bebas mengurus sendiri negara
- 20 Negara kita menyertai pertubuhan berikut selepas mencapai kemerdekaan.

- Komanwel
- AMDA

Apakah faedah yang diperoleh negara daripada pertubuhan tersebut?

- A Meningkatkan prasarana ekonomi
 B Menguatkan pertahanan negara
 C Menambah aset ketenteraan
 D Menjamin kebebasan pentadbiran

21 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa bersejarah di negara kita.

- Kemerdekaan Tanah Melayu 31 Ogos 1957
- Pembentukan Malaysia 16 September 1963

Peristiwa di atas berkaitan dengan

- A Perlembagaan
- B Pentadbiran
- C Kedaulatan
- D Demokrasi

22 Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa?

- A Menggalakkan kemasukan pendatang asing
- B Memperkuatkan sistem ketenteraan
- C Mewujudkan perpaduan kaum
- D Meningkatkan imej negara

23 Apakah peranan Majlis Negeri Perak?

- A Membincangkan kedudukan orang Melayu
- B Menggubal undang-undang negeri Perak
- C Menasihati Gabenor
- D Menasihati sultan

24 Berikut merupakan pindaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- Pindaan Perlembagaan 1963
- Pindaan Perlembagaan 1965

Mengapakah pindaan tersebut dilaksanakan?

- A Menyesuaikan dengan keperluan semasa
- B Mengekalkan keluhuran perlembagaan negara
- C Mengikut permintaan parti-parti politik ketika itu
- D Melengkapkan keperluan di antara satu dengan yang lain

25 Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk menggantikan Malayan Union.
Apakah kuasa Majlis Raja-Raja pada masa itu?

- A** Menasihati Pesuruhjaya Tinggi British
- B** Membincangkan undang-undang berkaitan agama Islam
- C** Mendapatkan penerangan tentang dasar Kerajaan Persekutuan
- D** Membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan

26 Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi.

Apakah bukti negara kita mengamalkan kebebasan asasi dalam beragama?

- I** Agama Islam sebagai agama Persekutuan
- II** Penganut agama lain mengamalkan agama masing-masing
- III** Penganjuran aktiviti yang bersifat keagamaan secara tertutup
- IV** Sikap diskriminasi terhadap agama lain

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

27 Maklumat berikut berkaitan dengan kuasa kerajaan negeri bagi Sarawak dan Sabah.

- Senarai Negeri
- Senarai Bersama
- Peruntukan Tambahan

Mengapakah peruntukan tambahan diberikan kepada negeri tersebut?

- A** Mengelakkan penggabalan undang-undang baharu
- B** Menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Malaysia
- C** Memudahkan pengurusan kawasan tempatan di Sabah dan Sarawak
- D** Membentuk kerajaan tempatan peringkat ketiga di negeri berkenaan

28 Konsep kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah memperkukuhkan sistem persekutuan di negara kita.
Apakah kekuatan pelaksanaan sistem tersebut?

- A** Mengukuhkan jati diri rakyat
- B** Mewujudkan kerjasama erat
- C** Mengeratkan perpaduan kaum
- D** Menambahkan kekayaan hasil bumi

- 29 Beberapa siri lawatan ke Sarawak dan Sabah telah diadakan oleh tokoh-tokoh berikut.

Tarikh	Siri Lawatan	Tokoh Terlibat
Julai 1961	Sarawak dan Brunei	Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
Ogos 1962	Persekutuan Tanah Melayu	Pemimpin Sarawak Dan Sabah
November 1962	Sarawak dan Sabah	Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
	Sarawak dan Sabah	Dr. Burhanuddin al-Helmi Tun Ghafar Baba

Apakah kepentingan siri lawatan tersebut ?

- A Kemampuan mengekalkan kuasa
 B Kecekapan membangunkan wilayah
 C Kebijaksanaan mendapatkan kemerdekaan
 D Kesepakatan merealisasikan pembentukan Malaysia
- 30 Pada 30 September 1965, berlaku peralihan kepimpinan di Indonesia. Apakah tindakan yang diambil oleh pemimpin Indonesia tersebut?
- A Menamatkan konfrontasi dengan Malaysia
 B Mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia
 C Melancarkan serangan gerila di Sarawak dan Sabah
 D Mendaratkan pasukan tenteranya di Labis, Johor
- 31 Apakah persetujuan yang dicapai dalam Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia pada Ogos 1965?
- A Penubuhan Persekutuan Malaysia
 B Pembatalan konsep Melayu Raya
 C Pemisahan terhadap negara Singapura
 D Penamatan konfrontasi dengan Indonesia

32 Maklumat berikut adalah operasi ketenteraan yang dijalankan di Sarawak.

- Operasi Hammer
- Operasi RASCOM
- Operasi Sri Aman

Apakah matlamat operasi tersebut?

- A Membanteras komunis
- B Mengadakan latihan tentera
- C Mengawal kawasan sempadan
- D Membuka tanah di kawasan hutan

33 Gambar berikut adalah logo Dasar 1 Murid 1 Sukan.



Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan?

- A Membina modal insan
- B Memantapkan sistem pendidikan
- C Memupuk semangat setia kawan
- D Memperkasa integrasi nasional

34 Pernyataan berikut adalah matlamat pembentukan Rukun Negara.

Mencipta masyarakat yang adil

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?

- A Menjamin kebebasan hak asasi
- B Memantapkan jati diri rakyat
- C Memajukan bidang sains dan teknologi
- D Menikmati bersama kekayaan negara

- 35** Dasar Pembangunan Nasional bermatlamat untuk mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan negara
Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?
- A** Mengimbangi pembangunan antara negeri
B Memajukan pendidikan masyarakat luar bandar
C Menyusun semula masyarakat di bandar
D Membuka peluang pekerjaan di luar bandar
- 36** Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional membawa kepada penurunan kadar kemiskinan.
Antara berikut yang manakah merupakan penyumbang kepada penurunan kadar kemiskinan tersebut?
- I** Peluang pekerjaan meningkat
II Perkembangan bidang perindustrian
III Kerjasama pemimpin dengan rakyat
IV Kemajuan perdagangan antarabangsa
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 37** Maklumat berikut berkaitan dengan kawasan di Malaysia.
- Gunung Mulu
 - Lembah Lenggong
- Apakah persamaan kawasan tersebut ?
- A** Pusat pentadbiran
B Tapak Warisan Dunia
C Tapak Perdagangan Dunia
D Pusat pelancongan
- 38** Sidang Kemuncak NAM ke-13 telah membawa kepada Deklarasi Kuala Lumpur.
Apakah isu yang diketengahkan dalam deklarasi tersebut ?
- A** Pencemaran alam sekitar
B Kestabilan serantau Asia Tenggara
C Kesejahteraan dan keamanan dunia
D Pencerobohan kuasa besar

- 39** Malaysia pernah berhadapan dengan krisis ekonomi pada tahun 1997 – 1998. Apakah pendekatan yang digunakan oleh Malaysia untuk menangani krisis tersebut?
- A** Melabur dalam perdagangan antarabangsa
 - B** Membangunkan sistem kewangan Islam
 - C** Menambat kadar pertukaran ringgit
 - D** Meminta bantuan Bank Dunia

- 40** Maklumat berikut berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa (PBB).

Kerelevanan Organisasi Antarabangsa

Mengapakah Malaysia berpendapat PBB tidak mampu berfungsi dengan baik?

- A** Keamanan dunia terjejas
- B** Penyalahgunaan kuasa veto
- C** Persaingan kuasa besar
- D** Kemelesetan ekonomi dunia

Soalan Tamat